

SILA TENTUKAN PADA MASA PENYAMPAIAN

UCAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI PULAU PINANG
SEMPENA UPACARA PEMBUKAAN RASMI KOMPLEKS
TUN ABDUL RAZAK, PERINGKAT IA, PADA
1HB JANUARI, 1977

T.Y.T. Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang dan
Yang Berbahagia Toh Puan Datuk Sadiyah

YB Datuk Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak

YB Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Isteri-Isteri
Datuk-Datuk dan Datin-Datin

Tetamu-Tetamu Terhormat

Puan-Puan dan Tuan-Tuan Sekelian

Bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Ahli-Ahli Lembaga Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, saya mengambil kesempatan ini mengalu-alukan kedatangan Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekelian untuk menyaksikan pembukaan rasmi Peringkat IA, Kompleks Tun Abdul Razak pagi ini.

-2-

Kita rasa terhormat dengan kehadiran T.Y.T. Yang Di Pertua Negeri dan Toh Puan Datuk Sadiyah pada hari yang bersejarah ini. Kehadiran Tuan Yang Terutama dan Toh Puan pagi ini telah mencerminkan minat mereka terhadap pembangunan sosio-ekonomi Negeri Pulau Pinang.

2. Hari ini adalah satu hari yang bersejarah kerana pada hari ini genap sudah 3 tahun Yang Allahyarham Perdana Menteri kita yang dikasihi, Tun Abdul Razak b Datuk Haji Hussein merasmikan upacara menanam tiang cerucuk. Kita sungguh-sungguh terhutang budi kepada Allahyarham Tun Abdul Razak kerana dengan bimbingan dan pandangan jauh yang bijak beliau serta galakan yang telah diberi, telah membolehkan

kita maju ke hadapan dengan projek ini. Kita sangat berbesar hati dan gembira kerana bersama-sama kita pada hari ini turut hadir YB Datuk Mohd Najib yang mewakili Tun Hajjah Rahah.

3. Hari ini juga merupakan suatu lagi tanda kemajuan yang bersejarah di dalam pembangunan ekonomi di Negeri Pulau Pinang. Dengan bermula dan pesatnya kemajuan pembangunan Bandar Bayan Baru dan Seberang Jaya, dan sekarang pula dengan siap dan bermulanya perniagaan di Peringkat IA Kompleks Tun Abdul Razak, Kerajaan Negeri telah berjaya melancarkan diri ke peringkat baru pembangunan sektoral, seimbang dengan keseluruhan strateji untuk pembangunan sosio-ekonomi. Strateji pembangunan sosio-ekonomi ini yang telah diumumkan pada akhir tahun 1969 dengan mengutamakan perindustrian desa dan urbanisasi, perkembangan pembangunan "agro-horticultural"

bersaingan dan dibantu dengan rancangan pembaharuan bandar. Strateji sosio-ekonomi ini telah dirancang untuk menambahkan kekuatan ekonomi Negeri dengan mengadakan pekerjaan yang sangat-sangat dikehendaki, serta untuk menyusun semula masyarakat kita berdasarkan kepada Rukunegara dan perpaduan kebangsaan.

4. Kita telah laksanakan rancangan Perbandaran kita pada awal tahun 1974. Kejayaan kita hingga sekarang ini sangat memuaskan dan bertambah lagi kerana penduduk di negeri ini telah memberi sokongan-sokongan dan kerjasama yang dikehendaki. Ini telah memberi kita keyakinan untuk terus maju ke hadapan di dalam usaha pembangunan kita.

5. Hari ini, setelah siap dan bermula perniagaan di Peringkat IA, Kompleks Tun Abdul Razak, penduduk-penduduk Pulau Pinang pada kali pertamanya telah mempunyai Kompleks membeli belah dan pejabat yang termoden di tengah-tengah bandaraya. Peringkat IA mempunyai empat tingkat blok podium dan pada masa ini mempunyai jumlah 72 yunit pejabat-pejabat dan kedai yang meliputi kawasan seluas 66.334 kaki persegi dan mengendalikan tidak kurang daripada 25 kategori perniagaan yang berlainan, terdiri daripada bank perdagangan dan stor-~~stcr~~ perniagaan kepada barang-barang pertukangan tangan, kemas, jahit menjahit, restoran dan juga pejabat-pejabat Kerajaan dan swasta. Dengan bermulanya Peringkat IA Kompleks Tun Abdul Razak, penduduk-penduduk Pulau Pinang dan juga pelawat-pelawat di Negeri ini boleh membeli belah di satu kawasan yang cukup indah.

6. Adalah sangat menggalakkan bagi kita melihat penglibatan pihak Bumiputra yang sangat memuaskan dalam perniagaan di Peringkat IA Kompleks Tun Abdul Razak. Yunit-yunit Bumiputra meliputi lebih kurang sebanyak 34% daripada jumlah ruang yang telah dikhaskan untuk sektor swasta. Untuk mencapai penglibatan Bumiputra sepenuhnya, dasar yang telah ditetapkan ialah untuk dikhaskan sekurang-kurangnya 30% jumlah ruang untuk kaum Bumiputra. Selain daripada ini, juga terdapat pihak-pihak Bumiputra yang ingin menceburkan diri dalam lapangan perniagaan, mereka digalakkan pula menyewa ruang-ruang perniagaan dengan kadar yang "disubsidised". Peruntukan-peruntukan ruang adalah dikawal rapi supaya yunit-yunit yang dipenuhi oleh pihak Bumiputra terdapat di serata kawasan di dalam Kompleks ini. Saya sukacita menyebut di sini

bahawa pada hari ini dari jumlah 29 yunit kedai yang telah ditempah oleh Bumiputra, 23 yunit telah dibuka untuk perniagaan manakala 5 yunit lagi yang telah diambil tetapi belum lagi dibuka dan hanya satu yunit saja yang belum lagi diambil. Daripada 28 yunit yang telah dipenuhi oleh pihak Bumiputra, 12 daripadanya adalah secara pembelian dan 16 secara sewa. Saya yakin bahawa peniaga-peniaga Bumiputra setelah melihat kebaikan yang terdapat di Kompleks ini akan mengambil bahagian dengan cergas sekali di peringkat-peringkat yang berikutan apabila peringkat-peringkat tersebut dimajukan kelak.

7. Siapnya projek Kompleks Tun Abdul Razak pada keseluruhannya dalam 1982, bukan saja akan memenuhi matlamat kita mengadakan suatu bangunan yang komprehensif, bahkan

ianya juga akan menjadi suatu dayausaha yang mengekalkan kedudukan bandaraya kita. Ianya juga akan menentukan peranannya sebagai suatu pusat pembangunan yang dinamis di sekitar Kawasan Utara. Projek Kompleks Tun Abdul Razak ini juga akan merupakan suatu pertunjuk tentang kejayaan yang boleh dicapai melalui perancangan yang progressif dengan menitik beratkan kemahuan dan keperluan masyarakat dan orang ramai.

8. Kompleks ini akan memberi kemudahan kepada sistem perhubungan pengangkutan awam yang cekap; ianya juga akan memusatkan semua perkhidmatan Kerajaan serta menyatupadukan jentera Kerajaan untuk memberi suatu perkhidmatan yang cekap

kepada rakyat. Kompleks Tun Abdul Razak juga akan menjadi suatu pusat penghiburan dan kesukanan di mana kawasan-kawasan permainan yang terbuka luas dan lain-lain kemudahan permainan di dalam bangunan akan disediakan. Selain daripada itu juga akan terdapat kemudahan-kemudahan untuk persidangan, pamiran untuk orang ramai serta pusat penjaja. Blok-blok rumah pangsa yang dicadangkan untuk Kompleks ini pula akan memberi kemudahan tempat tinggal kepada rakyat dari berbagai lapisan pendapatan. Kompleks Tun Abdul Razak adalah suatu project yang "integrated" dalam erti kata yang sebenarnya. Saya yakin melalui projek ini kita akan mencapai segala matlamat untuk membawa semua masyarakat Malaysia tanpa kira keturunan dan taraf ekonomi untuk hidup dan bekerjasama dengan semangat "Muhibbah" sebenarnya.

9. Pembangunan Kompleks Tun Abdul Razak telah membawa bersamanya sedikit kegendalaan kepada rakyat dan saya berharap mereka-mereka yang telah tergendala akan sedar bahawa segenap jenis pembangunan tak kira besarnya akan sedikit sebanyak memberi kesan dan kegendalaan kepada beberapa orang. Saya merayu kepada mereka menganggap projek Kompleks Tun Abdul Razak ini dengan suatu pandangan yang lebih luas dan sedar akan faedah-faedah umumnya yang akan dinikmati oleh rakyat Negeri ini pada keseluruhannya apabila projek ini siap kelak. Kerajaan Negeri telah menimbang dengan teliti peringkat-peringkat pembangunan di seluruh projek ini dan Kerajaan Negeri akan melaksanakannya dengan sebaik-baik cara supaya rakyat akan mengalami sekurang-kurang gangguan dan kegendalaan.

11. Kerajaan Negeri serta Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang senantiasa bersympati kepada mereka yang terlibat dalam projek ini. Untuk mengurangkan kesusahan dan kegendalaan yang terbit akibat pelaksanaan projek ini Kerajaan Negeri telah memutuskan tidak akan mengambil alih dengan serta merta harta yang telah diperolehi oleh Kerajaan dalam pelaksanaan projek ini. Oleh kerana projek ini akan dilaksanakan dari satu peringkat ke satu peringkat, Kerajaan Negeri hanya akan mengambil alih harta-harta di dalam tiap-tiap suatu peringkat pembangunan sebaik saja ianya diperlukan untuk pelaksanaan. Dengan itu, mereka-mereka yang terlibat di projek ini akan berpeluang terus menduduki rumah-rumah kedai dan bangunan-bangunan yang mereka duduki sekarang dan menjalankan perniagaan masing-masing sehingga-hingga kawasan tersebut diperlukan untuk

pembangunan. Kerajaan Negeri juga telah menentukan beberapa kawasan sebagai tapak-tapak gantian sementara kepada keluarga-keluarga penduduk serta unit perniagaan. Seperti projek-projek penempatan semula yang lain sebelum sesuatu kerja dapat diteruskan, adalah perlu dikaji betul-betul kawasan-kawasan yang dicadangkan itu untuk menentukan sesuainya atau tidak keadaan tanah, perancangan, tata letak dan lain-lain masalah kewangan yang akan terlibat. Saya suka memberi jaminan kepada mereka yang terpaksa berpindah ke kawasan-kawasan lain bahawa Kerajaan Negeri akan mengambil setiap langkah untuk menggalakkan perniagaan mereka di kawasan-kawasan yang mereka dipindahkan itu untuk kebaikan mereka masing-masing. Saya merayu kepada mereka supaya bekerjasama dengan Kerajaan dan menerima tapak-tapak gantian yang

disediakan kelak. Saya juga suka memberi jaminan kepada rakyat kita bahawa sebaik saja projek-projek di peringkat berikutnya telah siap mereka bolehlah balik ke Kompleks untuk memulakan perniagaan masing-masing.

11. Selain daripada projek Kompleks Tun Abdul Razak iaitu suatu projek pembangunan yang terbesar komprehensif dan "integrated" dalam Negara ini dan yang mana merupakan suatu usaha ulung dalam pembangunan semula bandar di Negeri Pulau Pinang; Kerajaan Negeri sedang mengambil langkah yang tegas untuk mengatasi masalah kekurangan perumahan di Negeri ini. Kerajaan Negeri dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang akan menitik beratkan pembinaan banyak lagi unit-unit perumahan di Pulau Pinang dan di Seberang Perai. Kerajaan Negeri akan membelanjakan wang sebanyak \$10 juta pada tahun ini untuk membina sekim rumah murah. Kerajaan

telahpun menentukan berapa kawasan untuk perlaksanaan sekim rumah-rumah murah itu. Kawasan-kawasan yang telah ditentukan di Pulau Pinang untuk sekim tersebut ialah di kawasan Taman Free School, di Jalan Batu Lancang, di Bukit Gelugor, Teluk Kumbar, Relau, Kampung Melayu dan Kampung Baru; manakala kawasan-kawasan untuk sekim rumah murah di Seberang Perai telah ditentukan dalam kawasan Alma, Bagan Ajam dan Kampung Tebu. Selain daripada sekim-sekim ini, Kerajaan juga menentukan kawasan-kawasan yang tidak diperlukan untuk apa-apa jenis pembangunan dalam masa sepuluh atau dua puluh tahun akan datang. Kawasan-kawasan yang telah ditentukan itu disebut "transitional areas" atau kawasan-kawasan peralihan

dan Kerajaan Negeri akan membina rumah-rumah "transitional" di kawasan-kawasan tersebut bagi golongan rakyat yang berpendapatan rendah. Rumah-rumah ini akan disewa kepada orang ramai. Mereka tidak akan dijual oleh kerana tapak-tapak yang berkenaan akan dikehendaki untuk sesuatu pembangunan yang telah dirancangkan di bawah rancangan pembangunan keseluruhan Negeri untuk masa sepuluh sehingga dua puluh tahun kemudian. Serentak dengan rancangan tersebut, Kerajaan Negeri juga mencari jalan untuk mendapat kawasan-kawasan lain di mana tanah boleh dipecah-pecah untuk dijadikan tapak perumahan, dan tapak-tapak ini akan dipajak kepada orang ramai dari golongan pendapatan rendah supaya mereka dapat membina rumah mereka menurut jenis pelan yang diluluskan. Kerajaan Negeri juga membantu rakyat mendapat bantuan kewangan yang diperlukan untuk membina rumah-rumah tersebut.

. 16

12. Bagi pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, unit-unit perumahan yang lain akan dibina di Bandar Bayan Baru dan Seberang Jaya. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, 1976-1980, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bercadang membina sejumlah 13,500 unit perumahan di dalam Negeri ini. Adalah diharapkan dengan perlaksanaannya sekim-sekim perumahan ini Kerajaan Negeri akan dapat mengatasi masalah kekurangan perumahan di dalam Negeri ini. Di bawah rancangan ini, sejumlah wang lebih kurang \$286 juta akan dikehendaki untuk perumahan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.

13. Kerajaan Negeri akan terus merancang untuk melaksanakan projek-projek selaras dengan strategi pembangunan socio-ekonomi. Dengan kerjasama rakyat, kita boleh maju ke hadapan untuk mencapai masa hadapan yang cerah, tetapi di sini saya mengingatkan rakyat semua bahawa kita mesti sedar akan gejala-gejala diluar kawalan kita, yang boleh menghalang kemajuan. Keadaan ini akan ujud sekiranya ekonomi dunia tidak berubah kepada bertambah baik seperti yang kita harap-harapkan.

14. Kerjasama dari pekedai-pekedai yang berniaga di Kompleks Tun Abdul Razak adalah sangat baik dan saya mengambil peluang ini mengucapkan taniah kepada Presiden dan Ahli-Ahli KOMTAR Merchants Association yang telah bekerja rapat dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk

-18-

membolehkan Kompleks ini dibuka untuk perniagaan. Ahli-Ahli Persatuan itu juga telah memberi jaminan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang tentang sokongan dan bantuan selanjutnya untuk menjamin supaya Kompleks ini menjadi sebuah pusat membeli belah yang terkemuka di Negeri ini. Kepada mereka semua, saya mengucapkan selamat maju-jaya dalam perniagaan masing-masing.

15. Rasa penghargaan dan terimakasih juga diberi kepada Kerajaan Pusat, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Jabatan-Jabatan Kerajaan, Pakar-Pakar Perunding, Para-Para Pemberita, Penghuni-Penghuni dan Pembeli-Pembeli atas segala pertolongan yang telah diberi. Saya yakin persefahaman

yang baik ini akan berterusan dan akan tumbuh dengan suburnya di kalangan mereka yang terlibat, supaya peringkat-peringkat projek yang berikutnya dapat dilaksanakan seperti yang dijadualkan.

16. Upacara pembukaan rasmi hari ini dengan berkesan sekali mengalu-alukan kedatangan tahun 1977 dan saya ucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua.

PENANG: December 31, 1976